

**Najib Beri Sumbangan Ramadan Kepada 943 Masjid Di Sabah
Bernama
24 Julai, 2012**

KOTA KINABALU, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor memberikan sumbangan berupa air zam-zam, buah kurma dan jubah kepada 943 masjid yang meliputi 25 kawasan di seluruh Sabah, sempena bulan Ramadan ini.

Sumbangan kepada setiap masjid di Sabah yang mempunyai purata 16 ahli jawatankuasa (AJK) itu disampaikan oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman di Bangunan Umno di sini, Selasa.

Dalam ucapan ringkasnya, Musa berkata sumbangan itu membuktikan keprihatinan Perdana Menteri bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan semua lapisan masyarakat termasuk imam dan AJK masjid di negeri ini.

"Sesungguhnya, ia jelas membuktikan penghargaan dan pengiktirafan tinggi daripada kerajaan khusus Perdana Menteri kepada peranan, tanggungjawab dan sumbangan selain memastikan kelancaran program murni yang dijalankan sempena bulan Ramadan ini," katanya.

Musa yang juga Pengerusi Umno Sabah berkata imam dan AJK masjid sebagai pemimpin agama dan penggerak institusi masjid di peringkat akar umbi memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan syiar Islam di negeri ini terutama menghadapi bulan yang mulia ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682805>

